

## **BAB V**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Kajian ini melibatkan 100 orang responden yang dikategorikan sebagai masyarakat FELDA. Mereka terdiri daripada sebahagian besar golongan peneroka dan segelintir dari kakitangan awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam aktiviti kelas pengajian al-Qur'an di sekitar FELDA Bukit Goh. Terdapat lapan buah kelas pengajian al-Qur'an yang ditawarkan kepada masyarakat FELDA di sini iaitu, sebuah kelas al-Qur'an di masjid, lima buah kelas al-Qur'an di surau dan dua buah kelas al-Qur'an di rumah. Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat keadaan sebenar kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh kepada masyarakat FELDA dari sudut kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di kelas pengajian al-Qur'an, bentuk pelaksanaan kelas pengajian yang dilalui oleh masyarakat FELDA khususnya di FELDA Bukit Goh ini dan membuktikan sejauh mana mereka dapat menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas-kelas al-Qur'an yang diadakan di sini. Ujian kefahaman tajwid juga turut dilaksanakan kepada responden bagi menguji sejauh mana masyarakat FELDA Bukit Goh ini dapat menguasai ilmu al-Qur'an. Proses pengumpulan data telah disempurnakan melalui temu bual dan soal selidik terhadap responden.

Dalam kajian ini, responden telah diminta mengisi borang soal selidik dan menjawab soalan ujian tajwid mengikut pengalaman dan pembelajaran al-Qur'an di kelas

yang bertujuan untuk mengesan keadaan sebenar keadaan kelas pengajian al-Qur'an di kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh. Data kajian telah diproses menggunakan perisian SPSS 17.0. Daripada analisis tersebut, satu penemuan telah diperolehi dan dikupas dengan jelas dalam bab empat. Dalam bab lima iaitu bab yang terakhir ini, penulis akan membuat rumusan terhadap dapatan kajian yang telah dihuraikan dalam bab yang lepas, di samping mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan keberkesanan pendekatan metode pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar dan tahap penerimaan peserta di dalam kelas pengajian al-Qur'an seterusnya mengukur serta menilai tahap keberkesanan dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh dapat menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an di kelas-kelas pengajian al-Qur'an di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang.

## **5.2 RUMUSAN HASIL KAJIAN**

Berdasarkan hasil kajian ini, beberapa rumusan telah dapat dibuat dan dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

- i. Pendekatan kaedah pengajaran tenaga pengajar
- ii. Bentuk pelaksanaan kelas al-Qur'an yang dilalui oleh masyarakat FELDA.
- iii. Masyarakat FELDA menguasai al-Qur'an.

### **5.2.1 Pendekatan Kaedah Pengajaran Tenaga Pengajar.**

Kajian yang telah menggunakan 100 orang responden dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh ini mendapati tenaga pengajar kelas al-Qur'an perlu mempunyai beberapa

kriteria yang penting, baik dari segi kemahiran komunikasi, latarbelakang pendidikan dan personaliti diri supaya pendekatan kaedah pengajaran yang disampaikan kepada masyarakat FELDA di sini lebih berkesan. Tenaga pengajar yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah tenaga pengajar yang mempunyai komunikasi dua hala yang berkesan, dapat mewujudkan sesi pengajaran secara berkumpulan, bertimbang rasa, sabar, memberi galakan, menggunakan Alat Bantuan Mengajar (ABM) yang mencukupi, menggunakan kitab tajwid yang berautoriti dan mudah difahami oleh masyarakat FELDA khususnya di Bukit Goh sebagai rujukan di dalam sesi pengajaran. Tenaga pengajar juga perlu mewujudkan mekanisme dan kaedah yang sesuai untuk penglibatan semua pelajar.

Di samping beberapa pendekatan kaedah pengajaran yang relevan dan bersesuaian dengan latarbelakang, budaya dan sosio ekonomi masyarakat FELDA Bukit Goh, kajian ini juga membuktikan kepada pengkaji bahawa kaedah *Talaqqī Mushāfahah* yang berkait terus dengan amalan pembacaan al-Qur'an yang diajar oleh tenaga pengajar di sini perlu diterus dan dipertingkatkan mutu pengajiannya supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dimanfaatkan dengan lebih *efisen*.

### **5.2.2 Bentuk Pelaksanaan Kelas al-Qur'an di FELDA Bukit Goh**

Kajian berdasarkan bentuk pelaksanaan kelas al-Qur'an yang dilalui oleh masyarakat FELDA Bukit Goh juga menunjukkan bahawa perkara utama dititikberatkan oleh peserta ialah kesesuaian tempat pengajian yang mestilah berdekatan dengan kediaman mereka serta dalam keadaan yang sempurna dan kondusif. Pengurusan masa pengajian juga memainkan peranan dalam menentukan kehadiran peserta kelas al-Qur'an kerana

sebilangan besar dari peserta kelas al-Qur'an ini merupakan pengusaha ladang kelapa sawit yang semestinya jadual kerjanya tidak menentu dan mengira masa. Justeru itu pihak berwajib perlulah menyediakan kemudahan asas yang kondusif yang menepati kehendak masyarakat di sini. Manakala pihak pengurusan kelas al-Qur'an perlu merangka sebarang usaha ke arah penambahbaikan pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an di sini supaya ianya dapat menarik minat peserta.

### **5.2.3 Masyarakat FELDA Bukit Goh Menguasai al-Qur'an**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau dan melihat sejauh mana masyarakat FELDA Bukit Goh dapat menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an. Sebelum pergi lebih lanjut pengkaji ingin menyatakan bahawa hasil penemuan ini hanya khusus untuk lokasi yang dikaji dan bukannya mewakili kesemua penempatan FELDA yang terdapat di Malaysia. Hasil penemuan ini pengkaji bahagikan kepada dua iaitu pertama; mutu pencapaian dan kemahiran membaca al-Qur'an dan keduanya; mutu pencapaian dan kefahaman mengenal hukum-hukum tajwid.

Mutu pencapaian dan kemahiran membaca al-Qur'an dalam kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh berada pada tahap baik. Ini dibuktikan berdasarkan statistik bagi item "*kelancaran saya dalam membaca al-Qur'an*" telah menunjukkan peratusan berada pada tahap baik iaitu 46% dan julat min sebanyak 3.71.

Manakala mutu pencapaian dan kefahaman mengenal hukum-hukum tajwid juga berada pada tahap baik. Ini menunjukkan kepada kita bahawa, masyarakat FELDA Bukit Goh telah mempunyai asas dalam ilmu al-Qur'an baik dari segi bacaan al-Qur'an mahupun

ilmu tajwid. Justerus, perlu ada kerjasama dari pihak yang berkaitan seperti persatuan penduduk dan pengurusan FELDA dalam usaha-usaha memberi bimbingan dan penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an secara berterusan agar mereka lebih berkemahiran dalam ilmu al-Qur'an dan seterusnya dapat mengetahui serta mengamalkan isi kandungan al-Qur'an di dalam kehidupan seharian.

Menurut Tuan Haji Sarafuddin Aisa bin Haji Osman selaku Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 menyatakan bahawa, kewajipan menuntut ilmu bukan berakhir sekadar penguasaan ilmu pengetahuan semata-mata, malah ianya mesti dihayati, diyakini dan diamalkan di dalam kehidupan seharian. Selepas itu, ilmu tersebut wajib pula disampaikan dan disebarkan kepada masyarakat. Maka, dengan mempelajari al-Qur'an dan ilmu-ilmu yang bersumberkan al-Qur'an dapat memantapkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah (s.w.t) dan membentuk akhlak mulia. Ianya juga dapat menghilangkan kejahilan, memelihara agama dan mendatangkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Di samping itu, usaha yang gigih perlu dilakukan oleh pihak masjid dan pegawai agama FELDA dari semasa ke semasa bagi menimbulkan keinginan dan minat yang mendalam ahli masyarakat kepada majlis ilmu tersebut.<sup>139</sup>

Tuan Haji Salehuddin bin Dolah selaku Naib Presiden Akademik, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) menjelaskan bahawa, di antara perkara wajib diketahui adalah tentang al-Qur'an. Ini kerana, dengan memahami ilmu tersebut akan terbuka jalan untuk lebih memahami ilmu-ilmu yang selainnya. Manakala dalam menilai pendekatan kaedah pengajaran dan pengajian kelas al-Qur'an dalam kalangan masyarakat

---

<sup>139</sup> Tuan Haji Sarafuddin Aisa bin Haji Osman (Imam Besar, Masjid Sultan Ahmad 1), dalam temubual dengan pengkaji, 5 November 2010.

FELDA bukan suatu perkara yang mudah. Ia memerlukan masa, tenaga dan pemikiran yang teliti. Oleh itu, menilai kelas al-Qur'an di Tanah Rancangan FELDA merupakan satu usaha yang teliti dan memerlukan disiplin yang tertentu semasa mengumpulkan bukti-bukti keberkesanannya supaya benar-benar dapat berfungsi sebagai tempat pembangunan insan, agar dari usaha tersebut dapat membentuk generasi yang beriman dan bertaqwa kepada Allah (s.w.t).<sup>140</sup>

### **5.3 CADANGAN**

Kajian dalam bidang pengajian al-Qur'an banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kajian-kajian yang dijalankan tersebut meliputi pelbagai aspek termasuklah kajian mengenai pelaksanaan kelas, masalah-masalah yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran, sistem pengajian dan pengajaran al-Qur'an. Namun, kajian-kajian yang lepas mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing. Oleh itu, kajian ini cuba menyetengahkan cadangan dengan memberi penumpuan terhadap tiga objektif utama kajian pengkaji iaitu:

5.3.1 Mengkaji dan menyelidiki kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di kelas pengajian al-Qur'an.

---

<sup>140</sup> Tuan Haji Salehuddin bin Dolah (Naib Presiden Akademik, KIPSAS), dalam temubual dengan pengkaji, 16 Januari 2011.

Tenaga pengajar hendaklah banyak menghadiri kursus dan bengkel untuk memperbaiki mutu teknik pengajaran dan penyampaian mereka agar lebih berkesan dan sesuai dengan tahap dan kemampuan peserta. Mereka juga hendaklah mempertingkatkan lagi penguasaan dalam bidang ICT supaya mengajar mereka menjadi lebih menarik. Tenaga pengajar kelas al-Qur'an perlu mengadakan perbincangan dengan peserta untuk mendapatkan teknik pengajaran yang lebih berkesan.

5.3.2 Mengkaji dan menyelidiki bentuk pelaksanaan kelas pengajian al-Qur'an yang dilalui oleh masyarakat FELDA.

Golongan masyarakat FELDA perlu mempunyai minat dan keinginan mendalam apabila memilih kelas al-Qur'an, bukan hanya sekadar mengikut kawan atau sebagai sesuatu yang dipaksa ke atas mereka. Di samping itu, pengetahuan asas sedia ada amat penting bagi memudahkan lagi pendekatan atau kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar di dalam kelas al-Qur'an di mana tenaga pengajar tidak perlu kembali mengajar perkara-perkara asas. Sifat negatif yang menganggap membaca al-Qur'an suatu yang membosankan haruslah dikikis dan dihindari dalam diri peserta.

5.3.3 Mengenal pasti sejauh mana masyarakat FELDA menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas pengajian al-Qur'an.

Daripada apa yang ditemui di atas, secara umumnya menunjukkan bahawa masalah dan kelemahan peserta dalam bacaan al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an di FELDA Bukit Goh masih wujud. Bagi mengatasi perkara tersebut, perlu dilaksanakan

program celik al-Qur'an atau tahsin al-Qur'an di semua agensi kerajaan mahupun swasta sebagai pengajian susulan bagi menyatakan hasrat kerajaan dalam mempertingkatkan kesedaran ke arah membaca al-Qur'an dapat direalisasikan. Diharap kaedah Talaqqī Mushāfahāh yang menjadi kaedah asas dalam pendidikan al-Qur'an tidak diabaikan oleh tenaga pengajar kelas al-Qur'an pada masa akan datang.

#### **5.4 CADANGAN KAJIAN SUSULAN**

Pada pandangan pengkaji, terdapat banyak lagi perkara yang belum dikaji untuk melengkapkan dan menyempurnakan kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji berhasrat mengutarakan beberapa saranan atau cadangan untuk dibuat kajian susulan.

1. Kajian ini melibatkan salah satu FELDA yang terdapat di daerah Kuantan iaitu FELDA Bukit Goh, di mana terdapat lapan buah kelas pengajian al-Qur'an yang berlangsung. Pemilihan lokasi dan tempat kajian yang dilakukan dalam kajian ini agak kecil skopnya, mungkin hanya berkesan untuk menggambarkan pendekatan kaedah pengajian dan pencapaian golongan masyarakat FELDA di sekitar bandar Kuantan sahaja. Dengan itu dicadangkan supaya kajian-kajian susulan menggunakan skop yang lebih luas dilaksanakan pada masa akan datang.

2. Kajian ini hanya melibatkan 100 orang responden dari kalangan masyarakat FELDA Bukit Goh lelaki dan perempuan. Bilangan ini agak kecil untuk menggambarkan pendekatan kaedah pengajian dan pencapaian golongan masyarakat FELDA yang terdapat di negeri ini. Oleh yang demikian, sampel kajian akan datang dicadangkan supaya lebih



menyeluruh dan pelbagai. Ini kerana penetapan saiz sampel yang sesuai membolehkan penggunaannya dianggap lebih menyeluruh dan dapat mewakili populasi yang sebenar. Pemilihan dan penggunaan sampel yang betul dan mencukupi biasanya dapat memantapkan lagi kebolehpercayaan dan kesahan sesuatu kajian.

3. Kajian ini hanya tertumpu di kelas-kelas al-Qur'an yang terdapat di FELDA Bukit Goh sahaja. Oleh itu, ia boleh diperluaskan kepada kelas-kelas al-Qur'an di penempatan FELDA lain yang terdapat di bandar Kuantan atau di daerah-daerah lain yang terdapat di negeri Pahang Darul Makmur yang diketahui turut menghadapi banyak masalah dalam mengikuti kelas pengajian al-Qur'an.

4. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan tiga perkara utama kajian iaitu untuk melihat keadaan sebenar kelas pengajian al-Qur'an kepada kalangan masyarakat FELDA yang terdapat di FELDA Bukit Goh Kuantan, Pahang mengikut pendekatan kaedah pengajaran yang digunakan oleh tenaga pengajar, bentuk pelaksanaan kelas al-Qur'an yang dilalui oleh masyarakat FELDA dan membuktikan sejauh mana golongan masyarakat FELDA di sini dapat menguasai al-Qur'an setelah mengikuti kelas al-Qur'an di tempat mereka. Bagi membuktikannya, pengkaji telah menguji para peserta dengan membuat ujian setelah mengikuti kelas al-Qur'an tersebut. Kajian lanjut juga boleh dijalankan meliputi lain-lain perkara seperti minat, sikap dan tanggapan peserta terhadap tenaga pengajar dan kelas itu sendiri, mengesan punca ketidakupayaan tenaga-tenaga pengajar al-Qur'an, kemudahan yang disediakan, kelemahan aspek sukatan atau silibus pengajian dan banyak lagi.